

# Gaji naik lebih 13 peratus

PM dijangka umum perincian kenaikan gaji penjawat awam dalam Belanjawan 2025, Oktober nanti

## PUTRAJAYA

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Rabu mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus bermula Disember ini dengan peruntukan lebih RM10 bilion.

“Kenaikan lebih tinggi daripada 13 peratus. Kenaikan terbaik dalam sejarah oleh Kerajaan Madani,” katanya semasa berucap merasmikan sambutan Hari Pekerja 2024 Peringkat Kebangsaan di sini.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang diperincikan, kerajaan juga akan meningkatkan gaji bagi memastikan jumlah pendapatan minimum penjawat awam melebihi RM2,000 sebulan.

“Pada masa ini jumlah pendapatan minimum, meliputi gaji dan elaun tetap penjawat awam sedia ada adalah RM1,795 sebulan,” kata Perdana Menteri.

Anwar berkata, sebelum ini jumlah paling tinggi kenaikan gaji penjawat awam adalah pada kadar 13 peratus kira-kira 12 tahun lepas, namun Kerajaan Madani akan memastikan jumlahnya lebih tinggi daripada itu.

“Maka kita akan melaksanakan lebih 13 peratus kenaikan mulai Disember tahun ini, sebab saya sudah berjanji,” kata beliau.



Para pekerja membaca lafaz Ikrar Hari Pekerja pada sambutan Hari Pekerja 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Rabu.

Sebelum ini, Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober lepas mengumumkan SSPA akan dilaksana sepenuhnya mulai 2025.

“Untuk tahun depan, bila kita mula laksanakan ia (peruntukan) akan mencecah lebih RM10 bilion, kerana jumlahnya agak besar dan kenaikannya agak lumayan, dan ini adalah kenaikan paling baik dalam negara.

“Kita juga akan meneliti dari segi kewangan dan bagaimana ia boleh menampung, tetapi pada masa sama hutang negara tidak lebih (daripada sepatutnya). Ini perlukan kepakaran luar biasa, tapi saya lega kerana susah bagaimanapun kena tunai (janji) kepada rakyat termasuk pekerja,” katanya.

### Gaji tak naik kalau malas kerja, datang lambat - PM

Perdana Menteri secara berseloroh berkata, individu yang malas, lambat datang kerja dan tidak menunjukkan prestasi baik, tidak akan merasai kenaikan gaji di bawah SSPA berkenaan.

Beliau berkata, kenaikan itu hanya akan dinikmati oleh me-

reka yang menunjukkan prestasi membanggakan.

“Dua minggu lalu, saya ada sebut bahawa ini (kenaikan gaji) tidak terpakai untuk semua.

“Kalau rekod kerjanya itu tidak membanggakan, malas, sering datang lambat bekerja dan tidak memberi tumpuan yang baik maka mereka akan dipantau supaya tidak diberikan ganjaran seperti dijanjikan,” katanya.

Anwar turut berharap syarikat-syarikat swasta dapat mengikut langkah kerajaan menaikkan gaji penjawat awam.

“Pengumuman ini walaupun tidak menyinggung secara langsung (syarikat) swasta, saya mahu dan berikan tempoh kepada mereka untuk memberikan perhatian, ada syarikat-syarikat swasta yang untungnya berlipat kali ganda.

“Jadi mana untungnya? Dalam produktiviti. Dari mana produktiviti? Produktiviti itu (datang) dengan pekerja, jadi berikanlah sedikit, kalau syarikat untung ratus juta, berikanlah beberapa ratus ringgit kepada pekerja,” katanya.

Anwar dalam pada itu menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan hanya

memberi perhatian kepada penjawat awam berbanding pekerja di sektor lain.

Beliau turut menggesa agar penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig disegerakan.

“Kenalah fikir, penjawat awam ada KPPA (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam), ada KSN (Ketua Setiausaha Negara) dan CUEPACS (Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam), jangan lupa MTUC (Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia).

“Tetapi ada yang tidak diwakili langsung. Sebab itu Suruhanjaya Pekerja Gig Malaysia itu perlu dan minta disegerakanlah supaya mereka diberi perhatian yang lebih,” katanya.

Sementara itu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil berkata, perincian mengenai kenaikan gaji penjawat awam itu akan diumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2025 pada Oktober depan.

Beliau berkata, kenaikan gaji itu membuktikan komitmen kerajaan terhadap penjawat awam susulan pengurusan dan tatakelola lebih baik yang diamalkan kerajaan terutama dalam melawan rasuah.

## KENAIKAN DAN PELARASAN GAJI PENJAWAT AWAM DI MALAYSIA

### 1 JANUARI 1992

- Sistem Saraan Baru (SSB) diperkenal
- Kenaikan gaji: **8%-10%** ikut kategori perkhidmatan

### 1 JANUARI 1995

- Pelarasan gaji:
  - JUSA & ke atas: **RM150**
  - Pengurusan dan profesional (P&P): **RM90**
  - Sokongan: **RM60**

### 1 JANUARI 2000

- Pelarasan gaji: **10%**

### 1 JANUARI 2002

- Pelarasan gaji: **10%**

### 1 NOVEMBER 2002

- Sistem Saraan Malaysia (SSM) diperkenal
- Kenaikan gaji:
  - JUSA & ke atas: **RM110**
  - P&P: **RM65**
  - Sokongan: **RM15**

### 1 JULAI 2007

- Kenaikan gaji:
  - JUSA & ke atas: **7.5%**
  - P&P: **15%**
  - Sokongan 1: **25%**
  - Sokongan 2: **35%**

### 1 JANUARI 2012

- Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) diperkenal
- Kenaikan gaji:
  - KSN, TURUS 1: **7%**
  - TURUS 2 & 3: **8%**
  - JUSA/Gred Khas: **9%**
  - P&P dan Sokongan: **13%**

### 1 JANUARI 2013

- Pemberian **3** kenaikan gaji tahunan (KGT)

### 1 JULAI 2013

- Pemberian **1** KGT

### 1 NOVEMBER 2013

- Pemberian **2** KGT

### 1 JANUARI 2015

- Pemberian KGT dengan kadar tetap **3%** kepada pegawai yang telah mencapai gaji maksimum.

### 1 JULAI 2016

- Pemberian **4** KGT
- Gaji minimum RM1,200 diperkenal

### 1 JANUARI 2023

- Pemberian **RM100** KGT tambahan khas kepada pegawai kumpulan pelaksana dan P&P.

### DISEMBER 2024

- Kenaikan gaji lebih **13%**